

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NASIONAL

Malaysia sudah siap siaga terima pelancong China

Kementerian Kesihatan sudah bersiap siaga menerima kemasukan pelancong asing, khususnya dari China yang berdepan lonjakan penularan semula COVID-19, jika Kabinet membenarkan kemasukan pengembara dari negara itu.

- Sebarang ketetapan baharu dan langkah tambahan, termasuk mewajibkan ujian PCR akan diputuskan Kabinet, hari ini
- Sub varian Omicron BA.5.2 dan BF.7 tidak mendatangkan kesan jangkitan teruk kerana 90 peratus rakyat sudah divaksin

Oleh Irwan Shafrizan Ismail → Nasional 8



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

KKM putuskan SOP persekolahan

Shah Alam: Sebarang keputusan berkaitan prosedur operasi standard (SOP) termasuk penutupan sekolah susulan penularan varian baharu COVID-19 adalah bergantung kepada nasihat Kementerian Kesihatan (KKM).

Menteri Pendidikan, Fadhlini Sidek, berkata setakat ini KKM belum mengeluarkan pekeliling kepada Kementerian Pendidikan (KPM) untuk berbuat demikian.

"Itu (penularan varian baharu COVID-19) juga adalah kebimbangan kita ketika ini.

"KPM akan menurut sahaja nasihat KKM yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa demi keselamatan anak murid kita," katanya.

Fadhlini berkata demikian ketika mengulas kemunculan subvarian Omicron COVID-19 iaitu BA.5.2 dan BE7 yang sedang menular secara dominan di China dan sudah dikesan di negara ini.



Sebahagian pelajar masih mengamalkan pemakaian pelitup muka ketika tinjauan di Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara di Labuan, semalam.
(Foto BERNAMA)

Sebelum ini, media melaporkan China akan membuka semula sempadannya pada 8 Januari ini selepas hampir tiga tahun ditutup berikutan penularan

pandemik COVID-19.

Bagaimanapun timbul kebimbangan apabila berlaku lonjakan ketara kes COVID-19 di negara itu baru-baru ini.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19



Dr Zaliha ketika sidang media selepas mengadakan lawatan di Klia2, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Siap sedia terima pelancong asing

Ketetapan baharu, langkah tambahan akan diputuskan Kabinet

Oleh Irwan Shafrihan Ismail
 bhnews@bh.com.my

Selangor: Malaysia sudah bersiap sedia untuk menerima kemasukan pelancong asing, khususnya dari China yang sedang berdepan lonjakan penularan semua COVID-19, jika Kabinet dalam mesyuaratnya hari ini memutuskan membenarkan kemasukan penumpang dari negara itu.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata sebarang ketetapan baharu dan langkah tambahan, termasuk mewajibkan ujian COVID-19 untuk pelancong asing, mahu pun perubahan prosedur operasi standard (SOP) hanya akan diputuskan Kabinet.

Dr Zaliha juga memaklumkan beliau mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam bagi memberi taklimat berkait isu kemasukan pelancong China dan persiapan dibuat Kementerian Kesihatan (KKM).

"Insya-Allah esok (hari ini) ada mesyuarat Kabinet dan saya sudah jumpa Perdana Menteri hari ini (semalam) dan kita akan bentangkan semua fakta yang kita ada, semua kemungkinan kepada Kabinet dan harap ada satu keputusan terbaik untuk mengimbangi dari sudut sains, data dan persepsi masyarakat.

"Apapun keputusan (sama ada

sekat, benar kemasukan atau perketat SOP adalah keputusan bersama, melihat kepada data dan sains, termasuk kadar kebolehan jangkitan virus itu.

"Kita juga pantau dari sudut kesihatan, hari-hari saya di Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) untuk pantau dan lihat data semasa. Ini bukan main-main tapi perkara penting yang kita lakukan bagi pastikan semua dalam keadaan selamat.

"Setakat ketika taklimat kepada Perdana Menteri tadi (semalam), kita kekalkan apa yang kita lakukan pada hari ini, tetapi jika esok (hari ini) rakan Kabinet ada pandangan lain, kita akan tengok balik untuk mendapatkan keputusan terbaik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Klia2 di sini, semalam, bagi memantau kesiapsiagaan kedua-dua lapangan terbang itu menerima kedatangan pelancong asing.

Bineang lebih komprehensif

Dr Zaliha berkata, sebarang langkah tambahan juga perlu dibincang secara lebih komprehensif, bukan hanya membabitkan KKM tetapi juga Kementerian dan agensi kerajaan lain.

"Kita juga akan ambil kira input dari semua pemegang taruh, selain melihat aspek ekonomi, pelancongan dan keselamatan dalam negara," katanya.

Mengulas hasil lawatan dan tinjauan persiapan di KLIA, Dr Zaliha berkata, beliau berpuas hati dengan tahap kesiapsiagaan di pintu masuk utama negara, termasuk penyediaan pengimbas suhu dan kemudahan klinik.

Pembukaan sempadan oleh

China selepas tiga tahun mengamalkan dasar 'sifar COVID-19' dikatakan punca jumlah kes positif melonjak semula dengan penularan subvarian Omicron BA.5.2 dan BE7 pada kadar lebih tinggi sehingga dikatakan mencecah satu juta kes setiap hari.

Berikutan itu, pelbagai pihak di negara ini, termasuk pakar kesihatan awam dan persatuan pelancongan berbelah bahagi sama ada Malaysia patut membenarkan pelancong China memasuki negara kerana bimbang kes positif COVID-19 di negara ini akan turut melonjak.

Terbaru, seorang doktor kanan di sebuah hospital terkemuka di Shanghai, China, mendedahkan 70 peratus penduduk bandar raya itu dijangkiti COVID-19.

Naib Presiden Hospital Rujin, Chen Erzhen yang juga anggota panel pakar penasihat COVID-19 Shanghai, menganggarkan majoriti daripada 25 juta penduduk bandar itu dijangkiti.

Sebelum ini, beberapa negara termasuk Amerika Syarikat, United Kingdom, India, Itali, Jepun dan Taiwan mengambil tindakan mewajibkan ujian COVID-19 bagi semua pelancong dari China.

Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) menganggarkan 1.2 juta rakyat China akan melawat Malaysia pada tahun ini.

Kelmarin, KKM menasihatkan orang ramai supaya mengambil dos penggalak, terutama dalam kalangan golongan berisiko sebagai perlindungan daripada COVID-19. Ini kerana sehingga 31 Disember lalu, hanya 1.9 peratus rakyat Malaysia sudah mengambil dos penggalak kedua berbanding 49.8 peratus dos penggalak pertama.

Virus baharu tak beri kesan teruk

Kuala Lumpur: Varian BA.5.2 dan BE7 COVID-19 yang menular di China ketika ini, disifatkan tidak mendatangkan kesan jangkitan teruk di negara ini, memandangkan hampir 90 peratus penduduk sudah divaksin.

Pakar Virologi Universiti Malaya (UM), Prof Dr Sazaly Abu Bakar, berkata ia juga boleh dilihat menerusi laporan di China yang tidak menunjukkan kadar kematian atau kemasukan ke hospital yang tinggi.

Katanya, virus yang ada akan sentiasa bermutasi kerana itu proses biasa bagi terus berkembang dan menyesuaikan hidup dengan manusia.

"Ramai yang tersalah anggap dengan menyifatkan mutasi baharu itu berbahaya, tetapi sebenarnya ia tidak meninggalkan kesan yang teruk.

"Kedua-dua jenis varian ini hanya dibezakan berdasarkan penjujukan yang sentiasa berubah-ubah pada bahagian genetik dan itu perkara biasa.

"Untuk varian BA.5.2 dan BE7 ini, gejalanya kurang menyebabkan penyakit teruk, manakala jangkitannya sederhana kerana hampir semua orang sudah divaksin," katanya kepada BH di sini, semalam.

Varian BA.5.2 dan BE7 COVID-19 dikesan sudah berada di Malaysia dengan 4,148 kes dijangkiti BA.5.2 dan tiga kes BE7 setakat 31 Disember lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata belum ada data dapat mengaitkan peningkatan bilangan kes kemudaratan atau kematian dengan varian BA.5.2 dan BE7.

Dr Sazaly berkata, vaksin penggalak tambahan perlu di-

ambil oleh individu berisiko tinggi kerana mungkin status imun mereka semakin rendah dan memerlukan dos tambahan, bagi merangsang sistem imun sedia ada.

"Saya berpandangan tiada masalah kita menerima kedatangan pelancong dari China. Namun, perkara utama perlu dilakukan ialah memastikan mereka melakukan ujian tindak balas rantai polimerase (PCR), sebelum menaiki pesawat dan ketika tiba di negara ini untuk memastikan mereka benar-benar negatif.

"Sekiranya positif, rawatan yang perlu dilakukan agak tinggi, selain perlu melindungi mereka yang mempunyai penyakit serius.

"Ujian pantas (RTK) Antigen tidak digalakkan kerana ia kurang sensitif. Dalam masa sama, amalan pemakaian pelitup muka dan mencuci tangan patut diteruskan, bagi melindungi jangkitan saluran pernafasan," katanya.

Sementara itu, Ketua Unit Virologi, Pusat Penyelidikan Penyakit Berjangkit Institut Penyelidikan Perubatan, Institut Kesihatan Negara, Dr Ravindran Thayan, berkata setakat ini varian XBB subvarian Omicron yang menguasai penularan COVID-19 di negara ini, selain BA.2.75 dan BQ.1.

Katanya, virus sentiasa bermutasi untuk hidup dan apabila tersebar dalam masyarakat, ini memberi kelebihan untuknya terus membiak dan menghasilkan varian baharu.

"Varian BA.5.2 dan BE7 dijangka mempunyai kebolehan jangkitan tinggi tetapi tidak memudaratkan hingga memberi kesan kepada kadar kematian dan kemasukan ke hospital," katanya.

Varian BA.5.2, BE.7 dikesan sejak 2022

Putrajaya: Varian BA.5.2 dan BE7 COVID-19 yang menular di China, dikesan berada di Malaysia pada Mac dan Ogos tahun lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kemuncak penularan varian BA.5.2, pada September hingga Oktober tahun lalu dan terutama ditemui di Afrika Selatan, England, China dan Amerika Syarikat.

Katanya, varian itu dikesan di Malaysia sejak 16 Mac 2022. Sehingga 31 Disember 2022, data terkini mendapati 4,152 kes dijangkiti dengan BA.5.2.

"Kini prevalen varian ini se-

makin menurun di seluruh dunia," katanya di media sosial semalam.

Dr Noor Hisham berkata, varian BE7 pula, dikesan di Malaysia sejak 21 Ogos tahun lalu.

Beliau berkata, kemuncak penularan pada Oktober 2022 dan banyak ditemui di negara seperti Belgium, England, Denmark dan juga China.

"Sehingga 31 Disember 2022, tiga kes dikesan dijangkiti BE7. Kes pertama dikesan pada 21 Ogos 2022, kes kedua pada 6 September 2022, iaitu kes import jangkitan dari Turki. Kes ketiga pada 7 Oktober 2022, juga kes jangkitan tempatan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : RENCANA

Perketat kemasukan warga China elak sebar varian baharu COVID-19

• Keadaan terkini penularan COVID-19 di China memberi lebih peluang kepada virus itu untuk merebak yang membawa kepada lebih banyak replika virus terhasil

• Pengawasan genom berterusan oleh agensi berkaitan dapat membuat pengesanan awal kemasukan varian baharu ke dalam negara kita



Oleh Prof Madya Dr Yahya Mat Arip
bhrencana@bh.com.my

Bermulanya tahun baharu 2023, dunia dikejutkan dengan kemunculan varian baharu virus COVID-19-omicron dengan subvarian BF.7 sehingga mencetuskan kekalutan di China.

Subvarian omicron BF.7 ini adalah keturunan varian omicron BA.5 di kesan di peringkat global pada Julai 2022. Subvarian ini juga dikesan di Selangor, Pahang dan Melaka pada Ogos dan September lalu. Persoalannya, mengapa di Malaysia tidak mencetuskan situasi seperti di China?

Sejak varian delta dan lebih ketara adalah pada varian omicron, mutasi berlaku bukan sahaja mampu menyebarkan virus dengan luas dan pantas tetapi mampu mengelak daripada tindak balas sistem keimunan.

Perkara ini mampu mengurangkan keberkesanan vaksin. Namun, dengan tiga dos, vaksin sedia ada masih mampu memberi perlindungan kepada rakyat daripada mendapat penyakit teruk.

Bergantung kepada individu, seseorang itu mungkin tidak bergejala atau mendapat penyakit ringan dan mampu sembuh dalam masa singkat.

Dengan liputan vaksinasi golongan dewasa dan warga emas yang tinggi iaitu lebih 90 peratus untuk dos pertama dan dos kedua, 70 peratus dos penggalak pertama, ia mampu menghadapi subvarian omicron BF.7 dan varian omicron secara amnya.

Situasi di China pula berbeza. Sebagai negara besar dengan jumlah populasi seramai 1.45 bilion, liputan vaksinasi mungkin tidak menyeluruh, seterusnya tahap imuniti kelompok juga adalah rendah.

Disamping itu, vaksinasi di China juga menggunakan vaksin buatan sendiri sahaja berdasarkan strain asal Wuhan. Beijing turut melaksanakan dasar sifar COVID-19 menerusi pelaksanaan sekatan ketat pergerakan serta kuarantin mandatori hampir tiga tahun. Apabila dasar sifar COVID-19 dilonggarkan atas desakan rakyat China dan tahap imuniti kelompok rendah, maka letusan penularan varian omicron berlaku.

Sebenarnya, China sedang mengalami lonjakan jangkitan varian omicron seperti mana di lain negara lain termasuk Malaysia sebelum ini.

Kebimbangan sebenar keadaan di China bukanlah subvarian omicron BF.7 tetapi kemunculan varian baharu. Keadaan di China memberi lebih peluang kepada virus untuk merebak yang membawa kepada lebih banyak replika virus terhasil.

Ini memberi lebih banyak mutasi berlaku yang akhirnya menyebabkan perubahan dan evolusi kepada virus SARS-CoV-2. Ia menghasilkan varian baharu dan bukan lagi varian omicron.

Perkara serupa berlaku ketika kemunculan varian delta di India. Tidak mustahil dengan lonjakan jangkitan varian omicron di China ini, satu varian baharu pula akan muncul.

Evolusi, mutasi virus

Sejak kemunculannya pada akhir Disember 2019, virus COVID-19 berterusan mengalami evolusi dan mutasi dengan kemunculan beberapa varian memiliki keupayaan transmisi dan kadar teruknya penyakit berbeza.

Selain varian alpha, beta, gamma dan omicron yang berstatus varian membimbangkan, terdapat juga varian lambda, mu, epsilon, eta, iota, zeta, theta dan kappa bersatus varian berkepentingan (*variant of interest*).

Varian berkepentingan ini tidak mendatang-

kan masalah seperti mana varian membimbangkan. Oleh demikian, kita berharap dan berdoa kemungkinan kemunculan varian baharu disebabkan situasi semasa di China adalah sekadar varian berkepentingan sahaja.

Bukan itu sahaja, kita perlu berdoa juga kemungkinan kemunculan varian baharu di masa hadapan juga adalah varian berkepentingan. Virus COVID-19 akan terus berevolusi dan beradaptasi untuk kekal bersama perumahannya iaitu manusia.

Sebagai perumah, kita perlu berikhtiar untuk bertindak terhadap replika berganda COVID-19 bagi mengurangkan mutasi. Mempunyai tahap imuniti kelompok yang tinggi adalah antara satu penyelesaian kepada kemunculan varian baharu.

Ini boleh capai dengan gaya hidup sihat, mengamalkan pemakan seimbang dan berkhasiat, senaman konsisten untuk menjaga kesihatan diri dan pengurusan kebersihan diri yang baik.

Kita sebagai manusia, perlu menjadi perumah peka dan bertanggungjawab kepada diri sendiri serta masyarakat dengan mengamalkan panduan digariskan Kementerian Kesihatan (KKM) iaitu 3W3C.

Amalan 3W merangkumi kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*wash*), memakai pelitup separuh muka di tempat awam atau jika bergejala (*wear*) dan amaran dari KKM lebih berkonsep peringatan (*warn*).

Rakyat perlu mengelak 3C iaitu jauh kawasan sesak (*crowded place*), elakkan kawasan sempit (*confined space*) dan elak sembang jarak dekat (*close conversation*).

Kepada mereka daripada kumpulan rentan dan berisiko tinggi, pengambilan dos penggalak kedua adalah satu tindakan bijak untuk melindungi diri.

Kepada kumpulan lain, wajar untuk pengambilan dos penggalak kedua sebagai ikhtiar bersama untuk memastikan tahap imuniti kelompok yang tinggi.

Di pihak kerajaan, tindakan proaktif menguatkuasakan semula saringan di pintu masuk negara harus diuji bagi menghalang kemungkinan kemasukan varian baharu COVID-19.

Berdasarkan pengalaman lalu, ada baiknya diperketatkan kemasukan individu daripada China sehingga situasi di sana terkawal. Pengawasan genom (*genomic surveillance*) berterusan oleh agensi berkaitan negara akan dapat membuat pengesanan awal kemasukan varian baharu ke dalam negara kita.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : LOKAL

PENUTUPAN SEKOLAH**Bergantung kepada nasihat KKM**

Shah Alam: Sebarang keputusan berkaitan prosedur operasi standard (SOP) termasuk penutupan sekolah susulan penularan varian baharu Covid-19 adalah bergantung kepada nasihat Kementerian Kesihatan (KKM).

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, setakat ini KKM belum mengeluarkan sebarang surat pekeliling kepada Kementerian Pendidikan (KPM) untuk berbuat demikian.

"Itu (penularan varian baharu Covid-19) juga adalah kebimbangan kita ketika ini.

"KPM akan menurut sahaja nasihat KKM yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa demi keselamatan anak murid kita," katanya ringkas ketika diminta mengulas berhubung SOP pencegahan Covid-19 di sekolah susulan penemuan dua varian baharu dari China.

Terdahulu beliau melawati Sekolah



KPM akan menurut sahaja nasihat KKM yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa demi keselamatan anak murid kita"

Fadhlina Sidek

Kebangsaan Jalan Kebun dan Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Kebun di sini, pada hari pertama persekolahan.

Fadhlina berkata demikian bagi mengulas susulan varian baharu Covid-19 iaitu BA.5.2 dan BF.7 yang dikesan berada di negara ini.

Sebelum ini, media melaporkan China akan membuka semula sempadannya pada 8 Januari ini selepas hampir tiga tahun ditutup berikutan pandemik Covid-19.

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 12
 RUANGAN : LOKAL

Putrajaya: Varian BA.5.2 dan BF.7 Covid-19 yang sedang menular di China, masing-masing dikesan sudah berada di Malaysia pada Mac dan Ogos tahun lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah (**gambar**) berkata, kemuncak penularan varian BA.5.2, adalah sekitar September hingga Oktober tahun lalu dan banyak ditemui di Afrika Selatan, England, China dan Amerika Syarikat (AS).

"Ia dikesan di Malaysia sejak 16 Mac 2022. Sehingga 31 Disember 2022, data terkini

Varian BA.5.2, BF.7 dikesan Mac, Ogos lalu: Dr Noor Hisham

mendapati 4,152 kes dijangkiti dengan BA.5.2.

"Kini prevalen varian ini semakin menurun di seluruh dunia," katanya dalam hantaran di Facebook semalam.

Dr Noor Hisham berkata, varian BF.7 pula dikesan di Malaysia sejak 21 Ogos tahun lalu.

"Kemuncak penularan adalah pada Oktober 2022 dan ia banyak ditemui di negara seperti Belgium, England, Denmark dan juga

China. Sehingga 31 Disember 2022, 3 kes dikesan dijangkiti dengan BF.7.

"Kes pertama dikesan pada 21 Ogos 2022, dan kes jangkitan tempatan; kes kedua pada 6 September 2022, adalah kes import jangkitan dari negara Turki; dan kes ketiga pada 7 Oktober

2022, jugakes jangkitan tempatan," katanya.

Kelmarin, Dr Noor Hisham menerusi kenyataan memaklumkan varian BA.5.2 dan BF.7 COVID-19 yang sedang menular di China, dikesan sudah berada di Malaysia dengan 4,148



kes dijangkiti BA.5.2 dan tiga kes BF.7 setakat 31 Disember lalu.

Beliau bagaimanapun berkata, belum ada data dapat mengaitkan peningkatan bilangan kes kemudaratan atau kematian dengan varian BA.5.2 dan BF.7.

"Situasi ini akan disemak dari semasa ke semasa apabila berlaku perubahan ketara yang memerlukan perubahan dalam strategi kesihatan awam.

"Perkara ini akan di-

umumkan segera oleh WHO kepada semua negara anggota pertubuhan itu serta penduduk secara am," katanya.

Beliau berkata, varian BA.5.2 dan varian BF.7 merangkumi kira-kira 80 peratus daripada varian yang menular di China ketika ini.

Katanya, kedua-dua varian berkenaan tergolong sebagai sublineage Omicron BA.5 dan belum digolongkan sebagai *Lineage Under Monitoring* (LUM) WHO.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA!

Ikut nasihat KKM jika tutup sekolah

SHAH ALAM – Keputusan sebarang prosedur operasi standard (SOP) termasuk penutupan sekolah susulan penularan varian baharu Covid-19 adalah bergantung kepada nasihat Kementerian Kesihatan (KKM).

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, setakat ini KKM belum mengeluarkan sebarang surat pekeliling kepada Kementerian Pendidikan (KPM) untuk berbuat demikian.

"Itu antara fokus kita juga tetapi buat masa ini, kita akan bersama dengan KKM dan menurut sahaja apa yang dinasihatkan kementerian itu."

"Sekiranya KKM ada mengeluarkan surat pekeliling untuk berbuat demikian (penutupan sekolah), maka kita akan ikut saranan itu. Keselamatan dan kesihatan murid serta pelajar

menjadi keutamaan kami," katanya ketika diminta mengulas susulan varian baharu Covid-19 iaitu BA.5.2 dan BF.7 yang telah dikesan berada di Malaysia ketika ini.

Terdahulu, beliau melakukan lawatan di Sekolah Kebangsaan (SK) Jalan Kebun dan Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Kebun, di sini, sempena hari pertama pembukaan sesi persekolahan penggal ketiga 2022 semalam.

Ketika mengulas mengenai beban guru, Fadhlina memberitahu, tanggungjawab tersebut diberikan kepada Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan yang akan diumumkan KPM nanti.

"Antara tumpuan mereka (Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan) adalah beban guru," jelasnya.



MURID-MURID SK Jalan Kebun di Seksyen 32, Shah Alam yang memulakan sesi persekolahan penggal ketiga semalam. — AFIQ RAZALI

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : NASIONAL

'Risikokan sistem kesihatan negara'

Kerajaan dinasihat tunggu sehingga China mampu kawal penularan Covid-19 di republik itu

Oleh NUR IFTITAH ROZLAN
SHAH ALAM

Kerajaan dinasihatkan untuk tidak berkompromi soal kesihatan dan keselamatan rakyat meskipun kedatangan pelancong asing bakal memberi pulangan yang baik terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Pakar kesihatan pekerjaan, kecemasan dan kesihatan awam, Dr Hanafiah Bashirun berkata, tindakan membenarkan pe-

lancong dari China masuk ke Malaysia dalam masa terdekat hanya merisikokan sistem kesihatan negara.

Menurutnya, kerajaan sebaliknya perlu menunggu sehingga penularan kes Covid-19 di republik itu dapat dikawal terlebih dahulu.

"Semua orang masih risau tentang peningkatan jangkitan kes Covid-19 di China, kenapa kita tidak boleh tunggu lagi satu atau dua bulan sehingga kes di sana terkawal?"

"Ekonomi kita sudah bertahan tanpa pelancong dari China datang ke Malaysia sebelum ini. Kenapa kita hendak membenarkan mereka melancong dan meletakkan risiko terhadap negara?"

"Saya tidak mahu kita mengulangi kesilapan sama pada awal tahun 2020. Puncak Covid-19 'mengganas' ketika itu adalah kerana membenarkan pelancong

KEMASUKAN
PELANCONG CHINA

dari China masuk ke Malaysia," katanya kepada Sinar Harian pada

Selasa.

Dalam pada itu, Dr Hanafiah turut menyatakan kebimbangannya berhubung keputusan ujian sendiri Covid-19 yang kebiasaannya digunakan oleh pelancong.

"Kit ujian sendiri Covid-19 tidak memberi 100 peratus keputusan yang jitu, wujud kebarangkalian terdapat individu terlepas daripada ujian saringan tersebut.

"Mungkin ada individu dijangkiti Covid-19 tetapi apabila buat saringan, dia didapati negatif, jadi individu berkenaan tetap juga boleh masuk ke Malaysia.

"Jadi, bagaimana Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) nak meyakinkan



DR HANAFIAH

kita bahawa ujian menggunakan kit ujian sendiri Covid-19 adalah tepat?" soalnya.

Dr Hanafiah turut berharap agar seluruh rakyat Malaysia bersatu dan tingkatan tekanan kepada kerajaan supaya tidak membenarkan kemasukan pelancong dari China dalam tempoh terdekat ini.

"Pelbagai bentuk tekanan boleh dibuat, misalnya dari segi laporan media, dapatkan pandangan seramai mungkin pakar untuk membincangkan perihal ini secara berterusan.

"Kita galakkan rakyat bersuara dan menceritakan kesusahan masing-masing akibat penularan Covid-19 selama dua tahun ini. Teruskan beri tekanan supaya kerajaan tahu rakyat Malaysia lebih rasional dalam membuat keputusan," tambahnya.

Sabah adakan mesyuarat hari ini putuskan SOP

KOTA KINABALU - Kerajaan Sabah akan mengadakan mesyuarat untuk membuat keputusan atau menentukan prosedur operasi standard (SOP) bagi menerima kehadiran pelancong dari China.

Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor berkata, setakat ini kerajaan negeri belum dapat memberi ulasan selanjutnya sebelum mesyuarat tersebut diadakan.

"Esok (Rabu) kita akan mengadakan mesyuarat untuk membuat keputusan atau SOP menerima pelancong dari China.

"Jadi, selepas kita mengadakan mesyuarat, baru kita boleh komen seterusnya," katanya kepada pemberita selepas meninjau lokasi rumah penduduk yang terjejas akibat dipukul ombak di Kampung Tanjung Aru Baru di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai pendirian kerajaan Sabah sama ada akan menerima pelancong dari China pada tahun ini.

Sabah antara negeri yang menjadi tumpuan dan pilihan pelawat dari China sebagai destinasi percutian, malah negeri itu mencatatkan kemasukan pelancong yang tinggi sebelum pandemik Covid-19 melanda dunia.

Bagaimanapun, isu kemasukan pelancong dari China ke Malaysia mendapat reaksi daripada pelbagai pihak dengan mengambil kira risiko penularan semula Covid-19 termasuk varian baharu yang dikenal pasti baru-baru ini.



HAJII

Varian BA.5.2, BF.7 mula dikesan tahun lalu

KUALA LUMPUR - Dua varian Covid-19 iaitu BA.5.2 dan BF.7 yang merangkumi kira-kira 80 peratus daripada varian yang menular di China ketika ini telah dikesan di Malaysia, masing-masing sejak 16 Mac dan 21 Ogos lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes pertama bagi BF.7 yang dikesan pada 21 Ogos merupakan kes jangkitan tempatan, manakala kes kedua pada 6 September (kes import jangkitan dari Turki) dan kes ketiga pada 7 Oktober merupakan kes jangkitan tempatan.

"Di peringkat global pula bagi varian BA.5.2, kemuncak penularan adalah sekitar bulan September-Oktober 2022 dengan kebanyakannya dikesan di negara seperti Afrika Selatan, England, China dan Amerika Syarikat.

"Bagi varian BF.7, kemuncak penularan adalah pada Oktober 2022 dan ia banyak ditemukan di negara seperti Belgium, England, Denmark serta China," katanya menerusi hantaran di laman Facebook beliau pada Selasa.

Pada Isnin, Dr Noor Hisham berkata, setakat 31 Disember lalu, terdapat sejumlah 4,148 kes di negara ini yang dijangkiti varian BA.5.2 dan tiga kes dijangkiti BF.7. - Bernama



DR NOOR HISHAM

MITA gesa kerajaan keluar SOP segera

SERDANG - Majlis Pelancongan Malaysia (MITA) menggesa kerajaan agar mengeluarkan prosedur operasi standard (SOP) yang jelas sebelum kedatangan pelancong dari China bermula Isnin ini.

Presiden MITA, Uzaidi Udanis berkata, ia sebagai persediaan kepada pemain industri terlibat, antaranya syarikat penerbangan dan petugas barisan hadapan.

"Kami cadangkan kerajaan keluar SOP ini pada 5 Januari dan dengan tarikh tersebut, kita boleh menerima SOP itu tanpa rasa gusar.

"Kami berharap kerajaan boleh umum secepat mungkin supaya kami boleh akur dan patuh SOP tersebut," katanya kepada pemberita selepas majlis pengenalan MIHARA Aviation di sini pada Selasa.

China dilapor akan membuka semula sempadannya pada 8 Januari ini selepas hampir tiga tahun ditutup berikutan pandemik Covid-19, namun timbul kebimbangan apabila berlaku lonjakan ketara kes Covid-19 di negara itu baru-baru ini.

Dalam pada itu, Uzaidi berkata, kolaborasi MITA bersama MIHARA Aviation, sebuah syarikat penerbangan yang menyediakan perkhidmatan pesawat ringan untuk rekreasi udara bakal menjadi produk baharu ejen pelancongan bagi menarik lebih ramai pelancong menghayati keindahan ibu kota dari udara.

Beliau berkata, MIHARA Aviation juga akan bekerjasama dengan lebih banyak syarikat pelancongan untuk menghidupkan semula industri pelancongan menerusi perkhidmatan Helicopter Tour di sekitar ibu kota.

"Ini amat penting untuk kita mempunyai produk yang berinovasi, baharu dan kreatif agar dapat menarik pelancong melawat negara ini setiap tahun," jelasnya. - Bernama



UZAI

Covid-19: 360 kes baharu, 1 kematian

SHAH ALAM - Sebanyak 360 kes baharu Covid-19 direkodkan pada Isnin dengan satu daripadanya merupakan kes import.

Menurut data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di portal KKMNow, satu kes kematian baharu dilaporkan, menjadikan jumlah kematian

dalam negara kini 36,858 kes.

Pada masa sama, kes aktif Covid-19 pula merekodkan 11,807 kes dengan 11,197 atau 94.8 peratus daripadanya merupakan individu dikuarantin di rumah.

Sementara itu, seramai 580 pesakit Covid-19 dirawat di hospital dengan 30

pesakit dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU).

Daripada jumlah itu, 16 pesakit memerlukan alat bantuan pernafasan.

Kes sembuh pada Isnin sebanyak 423 kes, menjadikan jumlah keseluruhan kes sembuh wabak tersebut dalam negara ialah 4,978,792.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : DALAM NEGERI

50% rakyat belum ambil dos penggalak Covid-19

Oleh PETAH WAZZAN
 ISKANDAR
 utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia hanya merekodkan sebanyak 16,280,153 penerima suntikan dos penggalak pertama Covid-19 berbanding jumlah dua dos utama yang masing-masing mencatatkan lebih 27 juta orang.

Berdasarkan laman web, <https://data.moh.gov.my> semalam, dua dos utama yang dilaksanakan melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan melibatkan 28,120,894 orang bersamaan 86.1 peratus manakala dos kedua, 27,532,308 orang bersamaan 84.3 peratus.

Bagaimanapun rekod menunjukkan dos penggalak kedua pula mencatatkan jumlah terkecil iaitu 636,861 bersamaan dua peratus.

Selain itu, terdapat tujuh negeri yang mencatatkan jumlah dos penggalak pertama di bawah 50 peratus iaitu Kelantan (17.7 peratus); Sabah (24.5 peratus); Terengganu (28.2 peratus); Perlis (31.3 peratus); Kedah (34.3 peratus); Pahang (37.6 peratus) dan Perak (46.7 peratus).

Sementara dos penggalak kedua, semua negeri mencatatkan hanya bawah 5.0 peratus sahaja dengan enam lokasi merekodkan bawah 1.0 peratus iaitu Kelantan, Kedah, Perlis, Terengganu, Sabah dan



GAMBAR bertarikh 11 Februari 2022 memaparkan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di sebuah pasar raya di Kuantan, Pahang yang lengang kerana tiada sambutan daripada orang ramai bagi mendapatkan dos penggalak walaupun PPV tersebut telah beroperasi selama seminggu. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

Labuan.

Semalam, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jangkitan semula Covid-19 adalah disebabkan keadaan *immune escape* yang lebih tinggi oleh varian XBB subvarian Omicron.

Katanya, varian XBB subvarian Omicron mendominasi penularan Covid-19 di negara ini yang merangkumi 55.4 peratus daripada bilangan sampel yang

menjalani penjujukan genom, sejak Jun sehingga Disember lalu.

"Ini menunjukkan XBB masih menjadi varian utama yang menular dalam kalangan penduduk Malaysia sejak Oktober tahun lalu.

"Ia mungkin disebabkan oleh tahap antibodi yang mulai berkurangan dan menyebabkan jangkitan semula tidak dapat dielak," katanya.

Noor Hisham berkata, individu yang belum menerima

vaksin dinasihatkan agar segera mendaftar dan mendapatkan vaksin bagi melindungi diri dan orang tersayang.

"Pihak KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO.

"Semua langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : DALAM NEGERI

